

IMBASAN 2019

BISNES



15 JANUARI 2019

ACG bina hab eksport silinder komposit LPG di Malaysia

ASTANA City Group Sdn Bhd (ACG) bakal membina kilang membuat silinder komposit gas petroleum cecair (LPG) pertama di Malaysia yang akan menjadi hab pengeluaran untuk dieksport ke Asia.

Pengarah Urusannya, Nik Mohd Fareez Nik Ahmad Azman berkata, pembinaan kilang bernilai RM100 juta itu dijangka bermula Mei 2019.

"Pembinaan kilang itu akan menjadi fasa pertama syarikat bagi tem-

poh lima tahun ini.

"Bagi fasa kedua pula, ACG akan membangunkan hab penyimpanan LPG berkapasiti 60,000 tan metrik sehingga 180,000 tan metrik di Melaka bagi memenuhi rancangan jangka panjang syarikat," katanya pada majlis pelancaran produk silinder komposit LPG 14 kilogram yang disempurnakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur.

